

TABAH HADAPI BARAH

Dua beranak nyaris putus harap

IBU mana pun, lebih rela dirinya sendiri yang menanggung apa jua jenis penyakit – termasuk yang serius – demi melihat anak yang disayangi tidak dibebani sebarang penyakit sepertinya.

Namun, tiada siapa yang dapat menolak ketentuan hidup.

Apabila ini berlaku, bukan hanya keadaan penyakit mereka harus dirawat, bahkan keadaan tekanan mental juga harus diberi perhatian, selain tekanan yang turut dialami oleh seluruh anggota keluarga.

Inilah yang dialami Cik Noraidah Amin, 50 tahun, dan anak sulungnya, Cik Nur Diyana Abdul Aziz, 23 tahun.

Sedang si ibu dibebani barah buah dada pada 2008, anaknya pula dikesan diserang sel barah ovari tahun lepas.

Cakap mudah tetapi bukan senang menghadapi penyakit besar ini dengan fikiran terbuka atau positif. Apatah lagi jika keluarga turut dibebani dengan pelbagai masalah lain termasuk kewangan. Jika tidak ditangani dengan cermat, jiwa pesakit yang terganggu mendedahkan mereka pada tindakan yang tidak masuk akal.

Cik Noraidah dan anaknya sendiri mengakui, ketika melalui proses rawatan yang menyakitkan, mereka pernah membayangkan nyawa mereka ditamatkan segera.

Keperitan mereka ditambah lagi dengan kata-kata negatif yang sering dilemparkan oleh mereka yang membuat pelbagai andai-an dan prasangka terhadap keadaan dua beranak itu.

Menceritakan kisahnya, Cik Noraidah yang pernah bekerja sebagai kakitangan awam berkata beliau disahkan menghidap barah buah dada tahap tiga dengan sel agresif sekitar Oktober 2008.

Dua bulan selepas menjalani beberapa pemeriksaan, barulah pembedahan untuk membuang buah dada sebelah kirinya dilakukan.

Ini diikuti dengan rawatan kemoterapi se-



FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

banyak 16 pusingan dan radiasi (25 pusingan).

“Semasa menjalani sesi kemoterapi, pelbagai fikiran bermain dalam minda yang letih pada ketika itu.

“Hanya selepas dua atau tiga sesi sahaja saya rasa enggan lagi menjalaninya.

“Pernah juga terbayang dalam fikiran mahu mengakhiri nyawa ini kerana tidak tahan menjalani penderitaan ini. Mujur saya kuatkan iman dan terus beristighfar.

“Sedang saya sakit, ada juga beberapa orang yang memberi kata-kata berunsur negatif, seperti mempersoalkan mengapa kami dilanda semua masalah ini,” katanya dengan mata yang mula bergenang air.

Sepanjang tempoh beliau mula dikesan barah sehinggalah menjalani pembedahan membuang buah dada yang terjejas, anak sulungnya, Cik Nur Diyana, yang banyak memainkan peranan sebagai ‘ibu’ semasa di rumah.

Daripada mengemas sehinggalah memasak dan menjaga adik-adik, beliau lah tunggak di rumah sedang ibu terus dirawat dan bapanya, Encik Abdul Aziz Hashim, keluar mencari nafkah keluarga selain berulang-alik ke hospital melawat isteri.

Semua ini dilakukan Cik Nur Diyana sedang beliau sibuk memulakan pengajian Rekaan Media Interaktif di Politeknik Temasek (TP) pada tahun pertama.

Sedang keluarga ini mengharungi detik-detik mencabar ini, mereka menerima satu lagi tamparan tahun lalu.

Kali ini, Cik Nur Diyana pula dikesan menghidap barah ovari peringkat pertama.

Ja datang secara mendadak, memandangkan sebelum ini Cik Nur Diyana langsung tidak menunjukkan sebarang tanda bahawa dirinya menghidap barah.

“Tapi pada malam sebelum saya disahkan menghidap barah itu, saya termimpi seolah-olah perut saya ditikam bertubi-tubi.

“Apabila tersedar pada pagi itulah saya rasa amat sakit di bahagian perut, sehingga saya tidak mampu berbaring.

“Saya kemudian ke hospital dan menjalani beberapa ujian,” katanya.

Ujiannya menunjukkan beliau positif barah ovari beberapa hari kemudian.

Bayangkan pada usia muda itu beliau dijangkiti barah yang berisiko menjejaskan peluangnya hamil.

Cik Nur Diyana kemudian menjalani beberapa sesi rawatan kemoterapi sebelum satu pembedahan untuk membuang tumbukan di ovarinya sebesar 20 sentimeter itu dijalankan tidak lama kemudian.

“Saya sering berasa sedih setiap kali menjalani kemoterapi, sehinggalah saya juga pernah terfikir mahu menamatkan hidup.

“Mujur saya masih lagi beriman dan mempunyai keluarga yang terus menyayangi saya dan memberi kata-kata perangsang,” katanya.

Meskipun telah selamat menjalani pembedahan, lulusan diploma itu masih agak hampa kerana sehingga kini permohonannya bagi mendapatkan pekerjaan masih belum membuahkan hasil.

Ini seolah-olah memberi tekanan kepadanya, juga memandangkan beliau dan ibunya masih lagi perlu mendapatkan rawatan susulan bagi penyakit masing-masing.

“Memang saya agak bimbang akan masa depan saya seperti pelang hamil. Sebabnya saya juga ingin mempunyai keluarga sendiri.

“Tapi buat masa ini, yang lebih saya bimbangkan ialah hal kerjaya saya.



STRES: Cik Nuraidah Amin (kanan) bersama anak sulungnya, Cik Nur Diyana Abdul Aziz, rasa tertekan dek penyakit barah masing-masing, ditambah pula dengan pandangan serong oleh sesetengah orang terhadap keadaan mereka. – Foto KHALID BABA

“Saya enggan lagi membebankan bapa yang terpaksa berhempas pulas melakukan dua pekerjaan untuk menampung kami sekeluarga,” ujarnya yang telah menghantar lebih 20 permohonan pekerjaan sejauh ini, tapi belum ada jawapan.

Bapanya, Encik Abdul Aziz, 50 tahun, bekerja di Lapangan Terbang Changi pada sebelah malam dan kemudian mengambil surat daripada kotak-kotak pos untuk dihantar ke Singapore Post pada sebelah siang secara sambilan.

Menerusi dua pekerjaan ini, beliau membawa pulang sekitar \$2,500 sebulan.

“Selagi tulang empat kerat masih kuat, selagi itulah saya akan terus jalankan tanggungjawab sebagai pencari nafkah,” kata

Encik Abdul Aziz yang turut menghidap masalah *slip disc* (cakera teranjak pada tulang belakang).

Pada masa ini, keluarga tujuh beranak itu (termasuk ibu Cik Nuraidah yang berusia 71 tahun) menetap di flat sewa di Woodland Drive 16.

Bagi membantu meringankan beban mereka, keluarga tersebut mendapat bantuan, antaranya berupa bayaran pengangkutan dan tuisyen percuma untuk anak-anak yang masih bersekolah daripada Angkatan Karyawan Islam (AMP), selain sedikit wang daripada Persatuan Ain yang turut menawarkan bantuan kursus memasak selain kelas mengaji, serta daripada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).